



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PERSIDANGAN VIRTUAL KEBANGSAAN: AMALAN TERBAIK MENGENAI PENJAGAAN DAN PERLINDUNGAN MANGSA PEMERDAGANGAN ORANG

PUTRAJAYA, 25 November – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) dan Global Shepherds Berhad (GSB) telah mengadakan Persidangan Virtual Kebangsaan yang berfokus kepada Amalan Terbaik Mengenai Penjagaan dan Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang secara dalam talian pada 25 dan 26 November 2021 dengan tema **“Let’s Care, Let’s Protect”**.

Persidangan ini melibatkan panel penceramah daripada dalam negara dan luar negara seperti Australia, Filipina dan Thailand yang turut sama berkongsi mengenai amalan terbaik, isu dan cabaran berhubung dengan perkhidmatan penjagaan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang.

Tujuan persidangan tersebut diadakan adalah:

- i. **Sebagai platform** untuk penyedia perkhidmatan dan pihak berkepentingan yang relevan di dalam bidang perlindungan dan penjagaan untuk berkongsi pengalaman dan pendekatan terbaik (*best practices*) mereka dalam menyediakan perkhidmatan perlindungan untuk mangsa pemerdagangan orang;
- ii. **Melancarkan Manual Latihan KPWKM berkaitan Penjagaan dan Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang** untuk terus meningkatkan kompetensi para pegawai dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan dan perlindungan yang sesuai dengan piawaian antarabangsa; dan

- iii. **Memperkukuhkan jaringan kerjasama** antara pihak Kerajaan dan rakan masyarakat sivil tempatan berkaitan penjagaan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang.

Persidangan berkaitan penjagaan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang yang julung kali diadakan ini menunjukkan komitmen yang serius KPWKM sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penjagaan dan Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang (JPPMPO) yang sangat menitikberatkan isu penjagaan dan perlindungan kepada mangsa pemerdagangan orang selaras dengan peruntukan di bawah Akta ATIPSOM 2007. KPWKM juga dipertanggungjawab menyelaraskan dasar dan program penjagaan dan perlindungan mangsa melalui Rumah Perlindungan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

“Jenayah pemerdagangan orang adalah isu yang merentas tanggungjawab pelbagai pihak baik Kerajaan, swasta, NGO, pihak berkepentingan mahupun masyarakat. Selaras dengan tema persidangan **Let’s Care, Let’s Protect**, semua pihak harus bersama-sama memainkan peranan dengan mengambil serius serta menghormati antara satu sama lain tanpa mengira agama, bangsa, dan warna kulit untuk mencegah jenayah pemerdagangan orang”, tegas YBhg. Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM semasa ucapan perasmian Persidangan Virtual Kebangsaan tersebut.

“Inilah masanya kita dapat meningkatkan pemahaman mengenai amalan terbaik, isu dan cabaran berhubung dengan perkhidmatan penjagaan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang dan secara langsung akan meningkatkan kesedaran agensi kerajaan, NGO dan pertubuhan antarabangsa mengenai peranan KPWKM dalam perkara ini”, tambah beliau lagi.

Persidangan dua hari ini dihadiri oleh lebih 300 orang peserta daripada pelbagai latar belakang yang terdiri daripada wakil Kedutaan, Ahli Akademik, Agensi Kerajaan, NGO dan Pertubuhan Antarabangsa.

###

Disediakan oleh:

Unit Dasar Wanita dan Gender

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik,
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 31, No. 55, Persiaran Perdana Presint 4, PUTRAJAYA

Tarikh dikeluarkan:

25 November 2021